A

Mohd Fais bin Diram lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–127 TAHUN 2011

ABDUL MALIK ISHAK, AZAHAR MOHAMED DAN ZAWAWI SALLEH HHMR

28 JANUARI 2014

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah — Sama ada pembelaan berjaya membangkitkan keraguan munasabah — Sama ada pembelaan tertuduh ditimbangkan dengan sewajarnya

D

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati — Sama ada terdapat keraguan mengenai identiti dadah — Kegagalan memanggil pemberi maklumat — Sama ada memudaratkan kes pendakwaan — Sama ada pembelaan tertuduh ditimbangkan dengan sewajarnya — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

E

F

Di Mahkamah Tinggi, perayu telah dituduh mengedar dadah, suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Setelah menerima maklumat tentang aktiviti pengedaran dadah yang bakal berlaku, SP4 dan SP5 telah bertindak sebagai ejen perangkap manakala SP6 telah berunding dengan perayu melalui telefon mengenai pembelian enam ketul ganja dengan harga RM1,900 sekilo. Dalam perbualan telefon tersebut, kedua-dua mereka bersetuju untuk berunding secara lanjut di tempat yang dipersetujui. Pada hari yang dijanjikan, SP4 dan SP5 berserta pemberi maklumat telah berjumpa dengan perayu di tempat yang dijanjikan. Perayu dilihat datang berjalan kaki ke arah satu lorong menuju ke kereta yang dipandu mereka. Pemberi maklumat memperkenalkan perayu kepada SP4 dan kedua-duanya berbincang mengenai urusniaga yang dijanjikan. Perayu kemudiannya mengarahkan SP4 memandu ke arah hadapan dan berhenti di bawah sebuah jejantas. Di situ, perayu berjalan kaki ke sebuah tiang jejantas dan mengambil satu plastik ('P12') yang dalamnya mengandungi satu ketulan mampat ganja. SP4 terus memperkenalkan dirinya sebagai polis dan perayu akhirnya berjaya ditahan. Ahli kimia mengesahkan bahawa ketulan mampat tersebut sememangnya dadah jenis kanabis seberat 929g. Dalam rayuan ini, isu-isu yang ditimbulkan adalah keraguan mengenai identiti dadah; kegagalan memanggil pemberi maklumat; kegagalan mengemukakan telefon bimbit; dan

G

H

I

kegagalan hakim bicara dalam menimbangkan pembelaan perayu dengan sewajarnya. A

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan sabitan dan hukuman:

(1) Tidak timbul isu identiti barang kes yang meragukan dan rantaian barang kes juga tidak terputus. Keterangan menunjukkan bahawa ekshibit-ekshibit dadah yang dijumpai daripada perayu dan telah dihantar kepada ahli kimia untuk analisa adalah ekshibit-ekshibit dadah yang sama yang menjadi hal perkara pertuduhan (lihat perenggan 9). B

(2) Peranan pemberi maklumat hanya terhad kepada pemberian maklumat kepada pihak polis dan juga memperkenalkan serta mempertemukan perayu kepada penyamar sulit. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa pemberi maklumat terlibat dalam perundingan dan persetujuan untuk menjual dan membeli dadah antara perayu dan SP4. Keterangan menunjukkan bahawa pemberi maklumat diperkenalkan kepada SP4 dan SP5 yang bertindak sebagai penyamar sulit. Pemberi maklumat diperkenalkan kepada SP4 dan SP5 untuk memudahkan mereka mengenali perayu dan bagi tujuan menyakinkan perayu tentang urus niaga pembelian dadah tersebut (lihat perenggan 11). C D

(3) Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon dan transkrip ini tidak memudaratkan kes pendakwaan kerana terdapat keterangan-keterangan lain yang menyakinkan daripada saksi-saksi SP4, SP5 dan SP6 yang terlibat secara terus dalam perundingan transaksi pembelian dan penjualan dadah antara perayu dan SP4 (lihat perenggan 14). E F

(4) Hakim bicara telah mendapati bahawa pembelaan perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap perayu. Mahkamah bersetuju dengan penemuan ini kerana ia disokong oleh fakta dan keadaan sekeliling yang terdapat dalam kes ini. Hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul apabila menolak pembelaan perayu berdasarkan keterangan yang ada. Tiada sebarang sebab yang mewajarkan mahkamah mengganggu dapatan fakta tersebut (lihat perenggan 19–20). G H

[English summary

In the High Court, the appellant was charged for trafficking dangerous drugs, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). Having received information that a certain drug trafficking activity would take place, SP4 and SP5 acted as agent provocateurs while SP6 had negotiated with the appellant via handphone regarding the purchase of six slabs of cannabis at the price of RM1,900 per kilo. In their telephone conversation, both of them I

agreed to negotiate further at an agreed place. On the said day, SP4 and SP5 and the informer met up with the appellant at the agreed place. The appellant was seen walking to a lane heading toward the car which they had driven. The informer introduced the appellant to SP4 and the two discussed about the agreed dealings. The appellant then instructed SP4 to drive forward and stop under a pedestrian bridge. There, the appellant walked to the bridge's pillar and took a plastic bag ('P12') which contained a compressed slab of cannabis. SP4 then introduced himself as the police and the appellant was subsequently arrested. The chemist confirmed that the compressed slabs were indeed cannabis weighing 929g. In the present appeal, the issues raised were regarding doubts on the identity of the drugs; failure to call the informer; failure to adduce the handphone; and failure of the trial judge in considering the appellant's defence adequately.

Held, dismissing the appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) The issue on the identity of the exhibits being doubted did not arise and the chain of evidence of the exhibits did not break. Evidence showed that the drugs exhibits recovered from the appellant and sent to the chemist for analysis were the same drugs exhibits which formed the subject matter of the charge (see para 9).

(2) The informer's role was limited to giving information to the police and also introducing and bridging a meeting between the appellant to the agent provocateur. No evidence showed that the informer was involved in the negotiation and agreement to sell and purchase drugs between the appellant and SP4. Evidence showed that the informer was introduced to SP4 and SP5 acted as the agent provocateur. The informer was introduced to SP4 and SP5 to make it easy for them to identify the appellant and for the purpose of convincing the appellant about the dealings of the purchase of the drugs (see para 11).

(3) The prosecution's failure to adduce the handphone and the transcript did not prejudice the prosecution's case as there were other convincing evidences from SP4, SP5 and SP6 who were directly involved in the sale and purchase negotiation transaction between the appellant and SP4 (see para 14).

(4) The trial judge found that the appellant's defence had failed to cast reasonable doubt on the prosecution's case and decided that the prosecution had proven a case beyond reasonable doubt against the appellant. The court agreed with such finding as it was corroborated by facts and circumstances found in this case. The trial judge had correctly directed himself in dismissing the appellant's defence based on available evidence. There was no reason to warrant the court to disturb such finding of facts (see paras 19–20).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 205–300.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 288–371.

Kes-kes yang dirujuk

Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 MLJ 489; [2004] 4 CLJ 551, MR (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560, MP (dirujuk)

Sia Pang Liong v PP [2013] 2 MLJ 490; [2012] 9 CLJ 848, MP (dirujuk)

Teng Howe Sing v PP [2009] 3 MLJ 46; [2008] 5 CLJ 186, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a), (2)

Akta Keterangan 1950 ss 2, 114(g)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–4 Tahun 2008 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Ghazali Nik Taib (Noor Jihan Ghazali & Co) bagi pihak perayu.

Aslinda Ahad (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azahar Mohamed HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Mohd Fais bin Diram ('perayu') telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Shah Alam kerana mengedar dadah berbahaya, iaitu 929g *cannabis* pada 24 Disember 2007, jam lebih kurang 2.30 pagi, di tiang jejantas bawah Lebuhraya Shahpadu, Jalan Kampung Rantau Panjang, di dalam Daerah Klang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta 1952') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Di akhir perbicaraan, YA hakim bicara telah mendapati perayu bersalah dan mensabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu. YA hakim bicara telah menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu. Perayu telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

[3] Fakta kes ini telah dihuraikan dengan terperinci oleh YA hakim bicara dalam penghakiman beliau yang dapat dilihat di ms 368–372, *jilid* 4 rekod

rayuan. Memadai di sini, kami perturunkan keterangan yang penting sahaja yang disandarkan oleh pihak pendakwaaan bagi membuktikan pertuduhan mengedar dadah yang dikemukakan terhadap perayu. Dalam kes ini, pihak pendakwaan sangat bergantung kepada keterangan Detektif Mohammad Masry bin Shokri ('SP4') dan Detektif Bahar bin Sukarman ('SP5') yang bertindak sebagai seorang *agent provocateur* ('penyamar sulit') untuk membuktikan perayu telah mengedar dadah tersebut. Pada awalnya, Insp Zulkefli bin Khamis ('SP6') telah menerima maklumat dari sumber tentang aktiviti pengedaran dadah jenis ganja. Kemudiannya, SP6 telah berunding dengan perayu melalui telefon mengenai pembelian enam ketul ganja dengan harga RM1,900 sekilo. Dalam percakapan telefon tersebut, tempat yang dipersetujui untuk rundingan lanjut adalah di satu kawasan di Kampung Rantau Panjang, Klang.

[4] Selepas itu, pada jam lebih kurang 1 pagi, 24 Disember 2007, SP6 beserta SP4 dan SP5 telah berjumpa dengan sumber di sebuah restoran di Cheras. Kemudiannya, SP4 dan SP5 bersama-sama dengan sumber telah bertolak dengan kereta Proton Waja menuju ke Kampung Rantau Panjang, Klang. Mereka tiba di satu tempat berhampiran dengan sebuah dewan di Kampung Rantau Panjang. Di situ, perayu dilihat berjalan kaki dari arah satu lorong menuju ke kereta Proton Waja tersebut. Sumber keluar daripada kereta Proton Waja dan berjumpa dengan perayu dan tidak berapa lama kemudian, sumber memperkenalkan SP4 kepada perayu. Sumber kemudiannya masuk semula ke dalam kereta. Perayu dan SP4 kemudiannya berbincang tentang urus niaga pembelian ganja sebanyak enam kilo. SP4 dimaklumkan oleh perayu bahawa SP4 terlambat sedikit dan dadah yang tinggal hanyalah satu kilo sahaja. Selepas berunding mengenai harga, SP4 bersetuju membeli satu kilo ganja dengan harga RM1,900 SP4 dan perayu kemudiannya masuk ke dalam kereta Proton Waja tersebut dan perayu mengarahkan SP4 memandu ke arah hadapan dan memberhentikannya di bawah Jejantas Lebuhraya Shahpadu. Di situ, perayu keluar dari kereta dan terus berjalan kaki menghala ke sebuah tiang jejantas dan mengambil satu plastik ('P12'). Perayu membuka P12 dan menunjukkan kepada SP4 kandungan di dalamnya yang terdapat satu ketulan mampat ganja dibalut dengan *tape* coklat. Pada ketika itu, SP4 memperkenalkan dirinya sebagai polis dan telah berlaku pergelutan apabila perayu cuba untuk melepaskan diri. Perayu akhirnya berjaya ditahan oleh SP4 dengan bantuan SP5. Perayu dan P12 telah dibawa ke balai polis untuk siasatan lanjut.

[5] Pada 31 Disember 2007, pegawai penyiasat, Insp Mohd Azren bin Isa ('SP7') telah menghantar barang kes P12 beserta dengan ketulan mampat tersebut ke Jabatan Kimia. Ahli kimia, Encik Abdul Rahim bin Shadan ('SP3')

telah memeriksa dan menganalisa ketulan mampat tersebut. SP3 mengesahkan bahawa ketulan mampat tersebut adalah *cannabis* seperti yang ditakrifkan dalam s 2 Akta 1952 seberat 929g.

[6] Berdasarkan kesemua keterangan di atas, YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu.

[7] Di hadapan kami, peguam perayu telah mengemukakan empat alasan utama bagi menyokong rayuan perayu.

Alasan pertama: keraguan mengenai identiti dadah

[8] Peguam telah berhujah bahawa dadah yang dianalisis oleh ahli kimia bukan dadah yang dirampas dari perayu kerana terdapat percanggahan keterangan pendakwaan sama ada SP6 ada menghiris ketulan dadah di tempat kejadian atau di balai polis dan keterangan SP3, ahli kimia, yang menyatakan beliau menerima dadah dalam keadaan baik. Isu ini telah juga ditimbulkan di hadapan YA hakim bicara yang telah membuat dapatan berikut:

> Untuk isu bila hirisan dibuat, Mahkamah berpendapat bila dibuat adalah tidak material. Apa yang penting adalah adakah P14 dadah yang dijual oleh OKI kepada SP4. Sepanjang keterangan SP4, SP5 mereka telah mengecam P14 ketulan mampat yang dibalut dengan salotape warna cokelat yang ditunjukkan oleh OKI dan telah dibuang oleh OKI serta dipungut oleh SP6.

[9] Pada hemat kami, berdasarkan keterangan yang sedia ada dan melihat kesemua keterangan secara keseluruhan, YA hakim bicara telah membuat penemuan fakta yang betul. Kami berpendapat tidak timbul isu identiti barang kes yang meragukan kerana pengecaman oleh SP6 dan SP7 pula adalah berdasarkan penandaan yang dibuat oleh mereka masing-masing, iaitu penandaan 'A', tandatangan dan tarikh pada P12. Manakala pada P14, terdapat penandaan A1, tandatangan serta tarikh. Pengecaman oleh SP3 pula adalah berdasarkan kandungan barang-barang yang telah diterima oleh beliau sendiri daripada SP7. Pada pandangan kami, rantaian barang kes dalam kes ini tidak terputus. Keterangan menunjukkan bahawa ekshibit-ekshibit dadah yang dijumpai daripada perayu dan telah dihantar kepada ahli kimia untuk analisis adalah ekshibit-ekshibit dadah yang sama yang menjadi hal perkara pertuduhan (lihat *Sia Pang Liong v Public Prosecutor* [2013] 2 MLJ 490; [2012] 9 CLJ 848 dan *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 489; [2004] 4 CLJ 551). Tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami

A mengganggu dapatan fakta yang dibuat oleh YA hakim bicara.

Alasan kedua: sumber tidak dipanggil

B **[10]** Peguam perayu telah berhujah bahawa sumber dalam kes ini telah memainkan peranan penting dan oleh yang demikian, kes pendakwaan adalah cacat kerana kegagalan pihak pendakwaan memanggil sumber untuk memberi keterangan. Peguam telah berhujah bahawa sumber sekurang-kurangnya perlu ditawarkan kepada pihak pembelaan dan kegagalan berbuat demikian menyebabkan inferen bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 C terpakai terhadap pihak pendakwaan.

[11] Kami mendapati alasan ini tidak bermerit. Berdasarkan keterangan, kami mendapati peranan sumber hanyalah terhad kepada pemberian maklumat kepada pihak polis dan juga memperkenalkan serta D mempertemukan sumber kepada penyamar sulit. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa sumber terlibat dalam perundingan dan persetujuan untuk menjual dan membeli dadah di antara perayu dan SP4. Keterangan menunjukkan bahawa sumber diperkenalkan kepada SP4 dan SP5 yang bertindak sebagai penyamar sulit. Sumber diperkenalkan kepada SP4 dan SP5 E untuk memudahkan mereka mengenali perayu dan bagi tujuan menyakinkan perayu tentang urus niaga pembelian dadah tersebut. Dalam kes *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560, Mahkamah Persekutuan telah berkata:

F

> In *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ 221 (Rep); [1987] 1 CLJ 250 (SC), Mohd Azmi SCJ (now FCJ) in delivering the judgment of the court, opined (at p 494) that 'whether a person is an informer or has become an active agent provocateur would depend on the facts of each particular case'. In our instant case under appeal though Cholar introduced PW9 to the second respondent G and was present when both transactions involving cannabis were struck, there was no evidence that he had done anything apart from being present. It appears obvious that his presence during the negotiation process and the transactions was merely to lend credence to PW9's intention to purchase the cannabis in the minds of the respondents.
>
> H On the particular facts and circumstances of the instant case under appeal, we are of the view that Cholar was not an agent provocateur. But even if he was, there is more than sufficient credible evidence of the respondents' involvement in the negotiation and agreement to sell to PW9 the 902g of cannabis subsequently brought out by the second respondent from room 'K' in the said house.

I

[12] Berdasarkan prinsip undang-undang yang digariskan di atas, pada hemat kami, peranan sumber di dalam kes ini hanyalah untuk mempertemukan dan memperkenalkan perayu dengan SP4 dan SP5. Telah jelas dari awal, sumber memperkenalkan kepada SP4 dan SP5 untuk

memudahkan mereka mengenali perayu. Sumber mengikuti SP4 dan SP5 di dalam kereta Proton Wira itu dengan peranan untuk menunjukkan jalan ke Kampung Rantau Panjang. Seterusnya apabila sampai, sumber adalah orang yang pertama sekali keluar dan berjumpa perayu. Kemudiannya, barulah SP4 keluar dan berunding dengan perayu. Rundingan untuk mendapatkan satu kilo ganja itu, adalah hasil persetujuan antara perayu dan SP4. Adalah jelas bahawa sumber tidak' terlibat secara aktif dalam serbuan mahupun tangkapan perayu pada masa yang berkenaan (sila lihat *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492). YA hakim bicara telah menimbangkan isu ini dan telah memutuskan bahawa peranan sumber adalah semata-mata sebagai sumber sahaja. Inilah apa yang dikatakan oleh YA hakim bicara tentang isu ini:

> Daripada peranan sumber yang dinyatakan di atas, Mahkamah memutuskan sumber tidak terlibat dalam perundingan dan persetujuan untuk menjual dan membeli dadah di antara OKI dan SPA. Peranan sumber adalah semata-mata sebagai sumber sahaja dan bukan sebagai AP dan situasi kes ini adalah selah dengan apa yang telah diputuskan di dalam kes *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560 seperti yang dirujuk oleh pihak pendakwaan. Dengan demikian hujahan pembelaan atas isu ini adalah ditolak.

[13] Melihat dan menimbangkan kesemua keterangan secara keseluruhan, kami berpendapat tidak terdapat sebarang salah arah dari segi fakta dan undang-undang di pihak YA hakim bicara berkaitan dapatan mengenai perkara ini. Kami berpendapat YA hakim bicara telah menilai dengan secukupnya isu ini.

Alasan ketiga: kegagalan mengemukakan telefon bimbit

[14] Mengenai isu ini, peguam perayu telah berhujah bahawa pembelaan telah diprejudis kerana kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan telefon yang dirampas daripada perayu. Peguam juga telah menimbulkan isu tentang kegagalan pihak polis menyiasat sama ada terdapat perundingan pembelian dadah yang berkenaan melalui telefon antara sumber, perayu dan pihak polis.

[15] Kami tidak dapat menerima hujah ini. Kami bersetuju dengan pandangan YA hakim bicara bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon dan transkrip ini tidak *fatal* terhadap kes pendakwaan kerana terdapat keterangan-keterangan lain yang menyakinkan daripada saksi-saksi SP4, SP5 dan SP6 yang terlibat secara terus dalam perundingan transaksi pembelian dan penjualan dadah di antara perayu dan SP4. Mengenai keterangan-keterangan yang lain, YA hakim bicara dalam penghakimannya telah berkata:

Berdasarkan penelitian maksima kepada keterangan-keterangan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan saksi-saksi pendakwaan dan selepas mempertimbangkan hujah-hujah dan kes otoriti kedua-dua Timbalan Pendakwa dan peguambela yang terpelajar, Mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa:

(a) OKT adalah orang yang telah datang ke tempat kejadian.

(b) SPA telah berunding dengan OKT untuk mendapatkan 1 kilo ganja dengan harga RM 1,900.

(c) OKT adalah orang yang menunjukkan jalan tempat di mana dadah itu perlu diambil.

(d) OKT adalah oranq yang dilihat membawa beg plastik P12 yang mengandungi dadah P14 dan seterusnya ditangkap membawa dadah tersebut.

[16] Oleh yang demikian, kami berpendapat bahawa YA hakim bicara tidak melakukan salah arah dan telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan telefon dan transkrip tersebut tidak menjejaskan kes pendakwaan.

Alasan keempat: kegagalan menimbangkan pembelaan peravu dengan sewajarnya

[17] Peguam telah berhujah bahawa YA hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes tanpa keraguan munasabah terhadap perayu di akhir kes, sedangkan melalui pembelaan yang dikemukakan pihak perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Dalam hubungan ini, peguam telah berhujah bahawa YA hakim bicara telah gagal menimbangkan dengan sewajarnya pembelaan yang dikemukakan. Kekhilafan ini, menurut peguam, telah menyebabkan suatu 'miscarriage of justice' yang serius terhadap perayu.

[18] Dalam pembelaannya yang diberi secara bersumpah, perayu menafikan beliau ada berunding dengan SP4 mengenai penjualan dadah. Perayu menyatakan bahawa pada malam kejadian, beliau tidak sihat dan semasa sedang tidur di ruang tamu, beliau menerima panggilan telefon dari Mubarak. Mubarak memberitahu beliau hendak datang ke rumah tetapi tidak dibenarkan oleh perayu. Pada jam lebih kurang 2 pagi, emak perayu, SD2 mengejutkan perayu memaklumkan bahawa Mubarak ingin bercakap melalui telefon. Perayu kemudiannya meminta SD2 memberitahu Mubarak supaya jangan datang kerana perayu tidak sihat dan kerana sudah lewat. Perayu kemudiannya dikejutkan kali kedua oleh SD2. Perayu diberitahu bahawa Mubarak sudah menunggu di depan kedai Pak Su. Dengan memakai kain pelikat dan t-shirt, perayu pergi berjumpa Mubarak di depan kedai Pak Su. Di

situ, perayu melihat sebuah kereta Proton Waja. Mubarak telah memperkenalkan perayu kepada seorang lelaki Melayu yang dipanggil 'Brother'. Kemudian Mubarak menarik perayu jauh dari 'Brother'. Kemudiannya, Mubarak meminta perayu bercakap dengan seseorang yang di panggil 'Mamat' yang sedang berada di talian telefon. Mubarak meminta perayu mendapatkan panduan arah ke suatu tempat yang hendak dituju. Perayu bersetuju menunjuk arah selepas dipujuk oleh Mubarak. Tempat yang hendak dituju adalah di bawah sebuah jejantas. Mamat memberitahu perayu bahawa barang yang hendak diambil oleh Mubarak berada di bawah jejantas. Menurut perayu, apabila sampai di bawah jejantas, Mubarak memujuk perayu untuk membantu mencari barang tersebut. Perayu pergi ke tiang utama dan melihat barang yang dimaksudkan itu. Sewaktu perayu mengambil barang tersebut, beliau ditangkap oleh 'Brother' yang memperkenalkan diri sebagai polis dengan dibantu oleh pemandu kereta Proton Waja. Pihak polis kemudiannya membawa perayu ke balai polis.

[19] YA hakim bicara telah mendapati bahawa pembelaan perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan kes melepasi keraguan yang munasabah terhadap perayu. Dapat dilihat bahawa teras pembelaan perayu adalah berkaitan dengan seorang yang bernama Mubarak yang menyebabkan beliau ditangkap pihak polis. Dalam hubungan ini, YA hakim bicara dalam penghakimanya telah membuat dapatan yang berikut:

> Keterangan OKT adalah beliau membantu Mubarak untuk mencari bungkusan plastik. Secara kebetulan, beliau menjumpai di balik tiang dan semasa ingin menyerahkan pada Mubarak beliau ditangkap oleh polis. Mahkamah dapati pembelaan OKT ini adalah tidak logik dan tidak dapat diterima. Beliau sendiri mengakui tidak diberitahu diskripsi barang dan beliau perlu mencari di balik tiang untuk pastikan beg plastik berada di balik tiang. Akan tetapi berdasarkan saksi-saksi pendakwaan OKT sendiri yang pergi ke balik tiang dan mengambil beg plastik dan menyerahkan kepada SP4 tanpa menunjukkan kepada Mubarak.
>
> Mahkamah lebih mempercayai keterangan SP4 yang disokong oleh SP5 dan saksi SP6, manakala keterangan OKI tidak disokong oleh mana-mana saksi. Mahkamah dapati tidak ada sebab saksi-saksi polis yang menjalankan tugas untuk menganiaya Tertuduh dengan kes dadah ini yang membawa hukuman mati.

[20] Kami bersetuju dengan penemuan di atas yang dibuat oleh YA hakim bicara. Pada hemat kami, keputusan ini disokong oleh fakta dan keadaan sekeliling yang terdapat dalam kes ini. YA hakim bicara telah mengarahkan dirinya dengan betul apabila menolak pembelaan perayu berdasarkan keterangan yang ada. Tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami mengganggu dapatan fakta tersebut (sila lihat *Teng Howe Sing v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 46; [2008] 5 CLJ 186). Dalam hubungan ini, kami

berpendapat bahawa YA hakim bicara tidak melakukan apa-apa kekhilafan yang boleh dirayukan (*appealable error*) yang memerlukan campur tangan Mahkamah Rayuan ini.

[21] Setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati kesemua keterangan serta juga hujah kedua-dua belah pihak, kami sebulat suara telah memutuskan bahawa YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati perayu bersalah dan mensabitkan perayu atas pertuduhan yang berkenaan. Kami berpuas hati bahawa sabitan dan hukuman terhadap perayu adalah selamat. Dengan yang demikian, rayuan ini ditolak. Kami mengekalkan sabitan dan hukuman mati terhadap perayu.

Rayuan ditolak dan sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor